



DPB50163 BUSINESS PROJECT

LAPORAN AKHIR

***E-ESEI* KARANGAN BAHASA ARAB**

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

NOR EMYLIA BINTI SAMSURI	10DIB19F1069
AYU SYAHIRAH BINTI ABU	10DIB19F1216
NURUL AFIFA BINTI MOHD FADZLI	10DIB19F1030
KHAIRUNNISA BINTI ANDI BACHTIAR	10DIB19F1210
NURUL NAJWA BINTI MIOR AZMAN	10DIB19F1204

SESI 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
PENGHARGAAN	IV
RINGKASAN EKSEKUTIF	V
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.3 PERNYATAAN MASALAH	2
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.5 JUSTIFIKASI PROJEK	5
1.6 SKOP KAJIAN	5
1.7 TAKRIFAN ISTILAH	5
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	6
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 PENDAHULUAN	7
2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS	7
2.2.1 KAJIAN BERKAITAN SUBJEK KAJIAN	7
2.2.3 KAJIAN BERKAITAN KEBERKESANAN APLIKASI INOVASI KAJIAN	9
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 PENDAHULUAN	12
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	12
3.2.1 KAEDAH TINJAUAN AWAL KEPERLUAN KAJIAN DAN PRODUK INOVASI	12
3.2.2 KAEDAH/PROSEDUR TEKNIK PENGHASILAN PROJEK	19
3.2.3 BAHAN DAN PERALATAN	25
3.2.4 KAEDAH ANALISIS DATA	25

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 PENDAHULUAN	27
4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN	27
4.2.1 PROJEK JENIS NYATA	27
4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)	32
4.3.1 IMPAK PRODUK	32
4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK	33
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 PENDAHULUAN	34
5.2 KESIMPULAN	34
5.3 CADANGAN	35
5.3.1 CADANGAN KEPADA PELAJAR POLITEKNIK SEMESTER DUA DALAM JURUSAN KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM	35
5.3.2 CADANGAN KEPADA PENGGUNA	35
5.3.3 CADANGAN KEPADA PENKKAJI AKAN DATANG	36
5.4 LIMITASI PROJEK (KEKANGAN KAJIAN)	36
5.5 RUMUSAN	37
RUJUKAN	38
LAMPIRAN	39

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 *Business Project*, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai

Jalan Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk *E-esei* Karangan Bahasa Arab telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN NOOR AKMA BINTI ABDUL RASHID

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:






Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : 
Nama: NOR EMYLIA BINTI SAMSURI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1069
2. Tandatangan: 
Nama: AYU SYAHIRAH BINTI ABU
No. Pendaftaran: 10DIB19F1216
3. Tandatangan: 
Nama: NURUL AFIFA BINTI MOHD FADZLI
No. Pendaftaran: 10DIB19F1030
4. Tandatangan: 
Nama: KHAIRUNNISA BINTI ANDI BACHTIAR
No. Pendaftaran: 10DIB19F1210
5. Tandatangan: 
Nama: NURUL NAJWA BINTI MIOR AZMAN
No. Pendaftaran: 10DIB19F1204

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPD50163 Business Project yang bertajuk *E-esei karangan bahasa Arab* kepada pelajar Semester Dua Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Kolej Kediaman Politeknik Seberang Perai, bagi Sesi 1 2021/2021.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Puan Noor Akma Bt Abdul Rashid, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50163 Business Project, *E-esei Karangan Bahasa Arab* kepada pelajar Semester Dua Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Kolej Kediaman Politeknik Seberang Perai bagi program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam , Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022.

RINGKASAN EKSEKUTIF

E-esei Bahasa Arab merupakan satu projek yang dicipta bagi memperkayakan tahap penguasaan pelajar semester dua terhadap penulisan karangan pelajaran Bahasa Arab di samping memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Pada semester kedua para pelajar perlu mempelajari cara penulisan karangan, namun banyak aduan dan rungutan dikalangan pelajar apabila membuat penulisan. Hal Ini kerana, para pelajar tidak tahu untuk memulakan penulisan, memahami maksud ayat dan membuat karangan itu lebih menarik. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab serta mencadangkan produk inovasi berbentuk *E-esei* (website) dalam pengumpulan bahan rujukan tentang karangan Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan analisis SWOT sebagai instrumen untuk menganalisis dapatan kajian yang telah dilakukan dan pengkaji mengedarkan soal selidik kepada pelajar DIB seramai 35 orang . Kajian ini membuktikan bahawa objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai. Hal Ini kerana pengkaji dapat mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang kajian mengenai masalah dalam pencarian cara penulisan karangan bagi subjek Bahasa Arab.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Politeknik Seberang Perai. Institusi ini terletak di Seberang Perai, Pulau Pinang. Walau bagaimana pun, kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam(DIB).

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan mengkaji mengenai masalah dalam pencarian cara penulisan karangan bagi subjek Bahasa Arab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemahiran dalam penulisan karangan Bahasa Arab merupakan komponen yang tinggi berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mencari cara penulisan karangan.

Dengan terhasilnya E-esei ini, dapat membantu memudahkan para pelajar dalam pencarian bahan rujukan berkaitan penulisan karangan. Para pelajar dapat mengakses bahan rujukan pada bila-bila masa sahaja dan tidak kira dimana jua. Seterusnya, ia dapat menggalakkan pelajar dalam pembelajaran sendiri dengan menggunakan laman tersebut.

Seterusnya, E-esei ini dibangunkan bukan sahaja dapat digunakan oleh pelajar jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam sahaja malah ia dapat digunakan oleh pelajar jurusan lain yang mengambil subjek bahasa arab. Dapat dikatakan bahawa bahan rujukan cara penulisan karangan yang ada di internet masih kurang. Cara penulisan karangan yang ada di internet tidak menyeluruh.

Pengkaji mendapati bahawa penulisan karangan dalam Bahasa Arab adalah yang paling sukar untuk mereka menguasai. Pandangan ini, selari dengan kajian Ahmad Khair Mohd. Nor (2005) yang menyatakan bahawa proses menulis karangan Bahasa Arab merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai oleh sesetengah pelajar.

Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menulis karangan Arab ini menyebabkan mereka membudayakan kaedah menghafal karangan semata-mata untuk tujuan peperiksaan. Fenomena ini secara tidak langsung memaparkan betapa penguasaan kemahiran menulis mereka berada pada tahap yang paling lemah. Menurut Abdul Hadi Mohd Salleh(1998) penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada masa kini keseluruhannya sangat tidak memuaskan. Kelemahan dalam bahasa arab terutamanya dalam kemahiran menulis merupakan faktor utama kepada permasalahan tersebut.

Rentetan daripada isu kesukaran pelajar dalam kemahiran menulis karangan di atas telah menarik perhatian pengkaji mencari penyelesaian untuk mengatasi kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab. Kajian ini amatlah perlu dan hasil kajian yang diperolehi amat berguna kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar dalam jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Bahasa Arab merupakan salah satu kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar semester kedua Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Namun, pada semester kedua para pelajar perlu mempelajari cara penulisan karangan tapi sebelum mahir dalam penulisan pelajar perlu menguasai kemahiran dalam mendengar, membaca dan bertutur dalam bahasa Arab. Di samping itu, kemahiran ini memerlukan latihan berterusan dan tempoh masa yang panjang untuk mengusainya.

Walau bagaimanapun, penguasaan pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam untuk subjek Bahasa Arab agak lemah. Hal ini kerana, tidak semua pelajar mempelajari Bahasa Arab ketika di bangku sekolah sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Banyak aduan dan rungutan dikalangan pelajar apabila membuat penulisan. Ini kerana, para

pelajar tidak tahu untuk memulakan penulisan, memahami maksud ayat dan membuat karangan itu lebih menarik. Hal ini menyebabkan, pelajar mendapat markah yang rendah dalam ujian pertuturan bersama pensyarah.



Rajah 1.1 Keratan Akhbar

MAKLUM BALAS PELAJAR	PERATUSAN	PERATUSAN
1. Adakah anda mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab?	YA(31.4%)	TIDAK(68.6%)
2. Berapakah tempoh masa yang diambil oleh anda untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab?	SEHARI(15.7%) DUA HARI(15.7%)	SEMINGGU(68.6%)
3. Anda menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan anda menulis karangan dalam Bahasa Arab?	ARTIKEL(17.6%) JURNAL(17.6%) WIKIPEDIA(17.6%)	BUKU RUJUKAN(47.1%)

<p>4. Adakah anda setuju jika e-esei Bahasa Arab diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman Bahasa Arab?</p>	<p>AGAK SETUJU(15.7%) TIDAK BEGITU SETUJU(0%) TIDAK SETUJU SAMA SEKALI(3.9%)</p>	<p>SANGAT SETUJU(80.4%)</p>
---	--	-----------------------------

Seterusnya, pihak pengkaji mendapati peratusan pelajar tidak yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab sebanyak 68.6% berbanding yang tahu hanyalah 31.4%.

Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk menyelesaikan isu sumber rujukan yang diambil oleh pelajar apabila untuk membuat rujukan.

Dengan terhasilnya kajian dan inovasi *E-esei (website)* yang akan dihasilkan daripada kajian ini, ia dapat memudahkan pelajar untuk menulis karangan agar lebih menarik dan difahami oleh pensyarah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN.

- a) Mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab.
- b) Mencadangkan produk inovasi berbentuk *E-esei (website)* dalam pengumpulan bahan rujukan tentang karangan Bahasa Arab.

1.5 JUSTIFIKASI PROJEK

Berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji pemilihan *E-esei (website)* adalah jalan penyelesaian dalam menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar DIB dalam penulisan karangan. Pengkaji memilih untuk membuat kajian terhadap pelajar-pelajar DIB semester kedua kerana mereka mempelajari Bahasa Arab pada semester tersebut.

Dengan adanya *e-esei* ini, penulisan pelajar dalam penulisan karangan akan lebih baik, efisien dan sistematik. Pelajar-pelajar tersebut memerlukan bahan rujukan untuk membuat penulisan karangan Bahasa Arab yang lebih menarik. Selain itu, pelajar juga perlu melakukan ujian bertutur bersama pensyarah dan ini akan membantu pelajar untuk bertutur dengan lebih lancar dengan ayat yang tersusun.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara umumnya tertumpu pada bidang bahasa Arab yang membincangkan isu berkaitan dengan kelemahan dalam penulisan bahasa Arab. Secara khususnya, kajian ini mengfokuskan kepada dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Seterusnya, analisis ini pada hasilnya bertujuan menjawab objektif kedua iaitu Mencadangkan produk inovasi berbentuk *E-esei (website)* dalam pengumpulan bahan rujukan tentang karangan Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, dalam proses menjalankan kajian ini, ia mempunyai dua aspek iaitu tujuan membuat kajian dan kepada siapa kajian ini dilakukan.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

Bahasa Arab adalah susunan kata atau Kalimat yang diucapkan oleh masyarakat Arab untuk mengungkapkan maksud dan kehendak mereka, dan telah sampai pada kita dengan cara perpindahan atau perkembangan. Dengan Bahasa Arab tersebut maka kita boleh menghafal dan menjaga Al-Quran dan hadith -hadith Nabi, menurut(Musthafa Al-Ghalayaini; 1987; 7) bahasa yang menjadi dasar penyebutan ini mereka temukan sama, sehingga para ahli berkesimpulan bahwa bahasa- bahasa itu berasal dari satu keluarga demografis. Kajian lebih lanjut

mengungkapkan hubungan lebih erat antara bahasa-bahasa yang sampai saat ini dianggap tidak berkaitan. (Ismail R. Al-Faruq dan Lois Lamy Al-Faruqi; 2000 ; 58)

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan yang dapat disimpulkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah laman sesawang *E-esei* ini dapat membantu pelajar DIB semester dua membuat pencarian rujukan berkaitan dengan penulisan karangan Bahasa Arab. Ia dapat dilakukan dengan melihat cara-cara penulisan dan juga contoh-contoh karangan yang telah disediakan oleh pengkaji.

Selain itu, pelajar DIB tidak perlu bersusah payah pergi ke perpustakaan untuk mencari contoh-contoh karangan kerana semuanya tersedia di dalam laman sesawang *E-esei* tersebut. Justeru itu, dengan adanya laman sesawang *E-esei* ini, dapat menarik minat pelajar DIB untuk menguasai dalam penulisan karangan Bahasa Arab .

Selain itu, dengan wujudnya laman sesawang *E-esei* ini, secara tidak langsung dapat menambahkan ilmu pengetahuan pelajar dan pelajar dapat menulis karangan dengan menggunakan format dan teknik yang betul. Selaras dengan itu, ia membolehkan pelajar menghasilkan penulisan karangan yang lebih menarik dan efisien. Selain itu, *E-esei* ini juga dapat dijadikan rujukan kepada pelajar yang tidak mengambil aliran Bahasa Arab tetapi berminat untuk mempelajari Bahasa Arab.

Akhir sekali, kepentingan yang akan diperolehi oleh pengkaji akan datang adalah dengan adanya *E-esei* ini dapat memudahkan para pengkaji akan datang untuk mencari maklumat yang diperlukan serta dapat menambahkan ilmu. Hal ini dapat mengembangkan lagi ilmu bahasa Arab di kalangan orang ramai.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu berkaitan subjek bahasa Arab. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan subjek bahasa Arab.

2.2.1 Kajian Berkaitan Subjek Kajian

Terdapat lima kajian berkenaan Bahasa Arab yang ditemui oleh penyelidik . Kajian yang dijalankan oleh Nik Mahfuzah Binti Nik Mat (2013) adalah untuk melihat penguasaan kemahiran mendengar Bahasa Arab dalam kalangan pelajar menengah agama. Kajian ini dilakukan ke atas seramai 80 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan tiga di Ma'ahad As-Sultan Ahmad Shah Ad-Dini (Ma'ahad SAS) Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data-data adalah borang soal selidik yang mengandungi maklumat latar belakang responden dan strategi pembelajaran kemahiran mendengar serta satu set ujian kemahiran mendengar Bahasa Arab. Data-data kajian yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 11.5. Dapatan menunjukkan , penguasaan keseluruhan responden dalam kemahiran mendengar Bahasa Arab adalah pada tahap sederhana dan tahap pencapaian responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Kajian yang dijalankan oleh Zainol Abidin (2005) terhadap 100 orang responden bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan kemahiran menulis ayat bahasa Arab. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar di sebuah sekolah aliran agama di Kelantan. Dengan keputusan kajian yang keseluruhannya menunjukkan bahawa sebanyak 59% pelajar telah gagal, 23% pada tahap yang lemah, 13% pada tahap sederhana dan hanya 5% berada pada tahap yang baik. Ini membuktikan bahawa kebanyakan pelajar Melayu tidak menguasai kemahiran menulis ayat bahasa Arab berikutan disebabkan banyak faktor antaranya ialah kaedah pengajaran guru dan cara pembelajaran pelajar, pengaruh bahasa Melayu dan pengolahan terhadap ayat dalam buku teks serta sukatan pelajaran yang tidak meluas terhadap semua bentuk ayat dan aspek-aspek berkaitan dengannya.

Kajian ini dilakukan oleh Mohamad Rofian Ismail(2018) bertujuan untuk mengenalpasti kebolehan para pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Sebanyak 283 orang responden daripada empat buah universiti yang dipilih iaitu Universiti Malaya (26 orang), Universiti Kebangsaan Malaysia (41 orang), Universiti Sultan Zainal Abidin (86 orang), dan Universiti Sains Islam Malaysia (130 orang) sebagai sample kajian. Data yang diperolehi di analisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.0.

Kaedah analisis deskriptif mudah iaitu skor min analisis di gunakan untuk memperoleh dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebolehan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab secara keseluruhannya berada pada interpretasi min yang sederhana iaitu USIM (min=3.34), UNISZA (min=3.60), UKM(min=3.50) dan UM (min=3.50). Dapatan ini secara tidak langsung memperlihatkan permasalahan-permasalahan yang telah dihadapi oleh pelajar di Universiti Awam Malaysia dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti dan mendedahkan setiap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar peringkat universiti dalam kemahiran mengarang bahasa Arab.

Kajian yang dijalankan oleh Khairatul Binti Akmar (2016) untuk melihat tahap kesukaran pelajar dalam kemahiran menulis. Kajian ini dijalankan terhadap 186 responden. Keputusan sampel jelas menunjukkan bahawa pelajar sarjana muda Bahasa Arab

menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran menulis karangan terutama dalam menyiapkan karangan Bahasa Arab 35% , menghafal karangan Bahasa Arab untuk tujuan peperiksaan 44% , sukar memulakan penulisan karangan walaupun memiliki kosa kata Bahasa Arab yang banyak 37% , sukar menghasilkan idea utama semasa membina setiap perenggan karangan Bahasa Arab 36% , sukar menghuraikan idea utama dan sokongan 34% dan sukar menutup dan merumus karangan Bahasa Arab dengan baik.

Kajian yang dijalankan oleh Salleh Abdul Majid Al-Arabi (1981) menyatakan bahawa dalam proses penulisan ini terdapat beberapa perkara utama yang perlu diberikan perhatian, antaranya termasuklah memulakan penulisan dari kanan ke kiri, menulis huruf-huruf Arab, menulis perkataan dengan ejaan yang tepat, membentuk susunan ayat yang betul dan mampu difahami oleh pembaca, dan menggunakan susunan ayat dalam perenggan yang betul. Lantaran itu, kemahiran menulis dilihat sebagai kemahiran terpenting yang perlu dikuasai oleh masyarakat khususnya golongan pelajar. Seramai 90 orang pelajar telah menjadi responden kajian tindakan ini. Mereka merupakan pelajar semester 1 diploma dalam pelbagai bidang pengkhususan Pengajian Islam seperti Al-Quran Sunnah, Tahfiz, Syariah dan Syariah dan Perundangan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Oleh itu, kajian tindakan yang dijalankan adalah bertujuan untuk memantapkan keupayaan kemahiran asas Bahasa Arab mereka dengan mengaplikasi Model Cadangan Penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikan pada tahun 2012. (Mohamad Rofian et. al, 2012).

2.2.3 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi Inovasi Kajian

Kajian yang dijalankan oleh Hejrahtul Amani dan Zakirah Othman (2016) adalah untuk mengenal pasti strategi promosi melalui laman web iaitu laman web Sri Lovely.

Pengumpulan data dilakukan melalui temubual dan data sekunder . Temubual ini dijalankan kepada tiga responden yang merupakan kakitangan Sri Lovely. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi promosi melalui laman web melibatkan dua aspek utama

iaitu ciri-ciri kualiti dan aspek hubungan ke laman sosial. Ciri-ciri laman web yang berkualiti terdiri daripada tujuh elemen iaitu pengumpulan data dan klasifikasi, paparan dan reka bentuk, navigasi, pencarian, gambar, bahasa dan unik.

Kajian Che Raziyusnita (2007) telah menjalankan kajian tentang penggunaan laman web pendidikan dalam kalangan 116 orang guru PI di daerah Seremban. Kajian beliau menunjukkan bahawa pengalaman guru mengaplikasi web dalam pengajaran telah menimbulkan rasa seronok dan minat murid terhadap pengajaran PI. Seterusnya, hasil kajian mendapati wujud hubungan di antara pengetahuan terhadap komputer dengan tahap penggunaan laman web serta kemudahan komputer dan internet dilihat mempunyai perkaitan yang positif dengan tahap penggunaan web pendidikan.

Kajian ini dibuat oleh Ibrahim Youssef Abdelhamid (2019) menyatakan bahawa perkembangan yang pesat dalam dunia teknologi dan komunikasi telah menyumbang secara langsung kepada proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Oleh itu, satu anjakan paradigma terhadap kaedah penyampaian dalam sistem pendidikan perlu dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21.. Proses pembangunan aplikasi android ini adalah berpandukan model reka bentuk instruksi Hanafin dan Peck sebagai panduan aliran kerja dengan sedikit pengubahsuaian.. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan data-data yang diperolehi daripada 30 orang guru bahasa Arab akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Oleh itu, hasil analisis kajian ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 2(2) September 2018, 39-59. eISSN: 2600-769X. 40 menunjukkan bahawa prototaip aplikasi android asas bahasa Arab yang dibangunkan perlu penambahbaikan bagi meningkatkan mutu prototaip aplikasi android tersebut dan diharapkan juga dapat membantu para pelajar dalam kemahiran mendengar dan juga kemahiran bertutur.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Marzuki dan Roslan (2010) telah membangunkan pembelajaran berbantuan komputer (PBK) berasaskan web tentang pengurusan jenazah yang menggabungkan beberapa perisian seperti MS-Frontpage 2003, Adobe

Dreamweaver CS3, Adobe Flash CS3, Adobe Photoshop CS3, Swisk Max dan Sony Sound Forge. Penyelidik telah menyediakan hosting bagi memuat naik laman web yang telah dibina dan boleh diakses di mana-mana sahaja yang terdapat talian internet. Selain dari itu, pembangun web juga telah menyediakan video atas talian untuk kemudahan mengendalikan jenazah dengan cara yang betul. Hasil daripada soal selidik kepada beberapa pelawat secara rawak menunjukkan responden bersetuju bahawa laman web yang dibangunkan memberi kefahaman yang jelas tentang pengurusan jenazah.

Dapatan kajian Zuazlina (2010) berkaitan pembangunan laman web untuk topik rukun haji dan umrah berdasarkan teori konstruktivisme menunjukkan penggunaan laman web interaktif yang dibangunkan dapat menarik minat pelajar-pelajar secara berterusan dalam sesi pembelajaran topik rukun haji dan umrah. Seterusnya, Rahimi, Zawawi & Wan Nordin (t.th) telah menjalankan kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berasaskan web. Hasil kajian mendapati pembelajaran berasaskan laman web dapat mewujudkan kesejagatan sumber P&P serta dapat membantu merapatkan jurang antara pelajar dengan sumber pembelajaran dari seluruh dunia. Pelajar-pelajar dapat berinteraksi dengan sesi pembelajaran yang tidak mengenal sempadan dan batasan. Segala sumber P&P akan disalurkan menerusi talian web dan internet, era pembelajaran secara elektronik atau E-pembelajaan diaplikasikan oleh pelajar.

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan laman web sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis nyata (berdasarkan produk/inovasi) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (*survey*) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.


3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian dan Produk Inovasi

Kaedah tinjauan keperluan kajian dijalankan di peringkat awal bagi mengenal pasti isu kajian dan produk inovasi yang dihasilkan sama ada memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna. Tinjauan awal dijalankan ke atas 5 orang responden. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik. Berikut adalah dapatan analisis tinjauan keperluan yang dilakukan oleh pengkaji.

DEMOGRAFI (CARTA PIE)


Jantina

51 responses




Semester

51 responses



Jabatan


51 responses



MAKLUM BALAS PELAJAR


1. Adakah anda mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab?

51 responses




2. Berapakah tempoh masa yang diambil oleh anda untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab?

51 responses




3. Anda menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan anda menulis karangan dalam Bahasa Arab?

51 responses



4. Adakah anda setuju jika e-esei Bahasa Arab diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman Bahasa Arab?

51 responses




Kajian ini akan dijalankan dengan melihat keputusan soal selidik yang diagihkan kepada para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.

Jadual 3.2.1 Keputusan selepas menjalankan soal selidik


Soalan	Kepuasan			
	1	2	3	4
1. Adakah anda mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab?	(Ya) 31.4%	(Tidak) 68.6%		
2. Berapakah tempoh masa yang diambil oleh anda untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab?	(Sehari) 15.7%	(Dua hari) 15.7%	(Seminggu) 68.6%	
3. Anda menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan anda menulis karangan dalam Bahasa Arab?	(Artikel) 17.6%	(Jurnal) 17.6%	(Wikipedia) 17.6%	(Buku rujukan) 47.1%
4. Adakah anda setuju jika e-esei Bahasa Arab diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman Bahasa Arab?	(Agak setuju) 15.7%	(Sangat setuju) 80.4%	(Tidak setuju sama sekali) 3.9%	(Tidak begitu setuju) 0%

Berdasarkan jadual 3.2.1 di atas menunjukkan keputusan selepas menjalankan soal selidik kepada para pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Soal selidik ini berdasarkan soalan dan maklum balas dari para pelajar.


Graf




Jumlah pelajar yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab lebih banyak berbanding yang mengetahui iaitu sebanyak 68.6% dan yang mengetahui hanya 31.4%.



Tempoh masa yang diambil oleh pelajar untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab terbahagi kepada tiga tempoh masa iaitu satu hari, dua hari dan seminggu. Peratusan bagi tempoh seminggu lebih banyak iaitu 68.6% diikuti dengan peratusan bagi satu hari dan dua hari yang mempunyai nilai yang sama iaitu 15.7%.



Pengkaji melihat para pelajar menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan mereka menulis karangan dalam Bahasa Arab. Ia terbahagi kepada empat sumber rujukan iaitu artikel, jurnal, wikipedia dan buku rujukan. Sumber rujukan yang kebanyakan pelajar memilih adalah menggunakan buku rujukan dan mencatat peratusan paling tertinggi iaitu 47.1% berbanding tiga sumber rujukan yang lain yang mencatatkan peratusan yang sama iaitu 17.6%.



Pengkaji mengambil pandangan adakah para pelajar bersetuju jika e-esei Bahasa Arab diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Keputusan tersebut terbahagi kepada empat bahagian iaitu agak setuju, sangat setuju, tidak setuju sama sekali dan tidak begitu setuju. Peratusan pelajar memilih sangat setuju ialah 80.4% berbanding yang lain iaitu agak setuju 15.7% diikuti tidak setuju sama sekali hanya 3.9% dan tidak begitu setuju 0%.


Kesimpulannya, pengkaji akan meneruskan objektif kajian dengan menghasilkan E-esei karangan Bahasa Arab untuk memudahkan para pelajar membuat penulisan yang lebih menarik dan menjadi sumber rujukan yang utama oleh para pelajar.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk e-essei.

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan.




Rajah 3.2.2.1 : Perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan

Penerangan proses di dalam gambar pengkaji mengadakan perbincangan secara atas talian tentang rangka penghasilan laman sesawang

Langkah 2

Pengkaji mengumpul maklumat mengenai pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab dengan mengagihkan borang selidik melalui atas talian iaitu platform Google Form kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.



The image shows a Google Form titled "MAKLUM BALAS PELAJAR" (Student Feedback Form). It contains three multiple-choice questions:


- Question 1: "Adakah anda mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab?" (Do you have knowledge in writing Arabic essays?).
 - Selected: Ya (Yes)
 - Unselected: Tidak (No)
- Question 2: "Berapakah tempoh masa yang diambil oleh anda untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab?" (How long does it take you to write an Arabic essay?).
 - Unselected: Sehari (One day)
 - Unselected: Dua hari (Two days)
 - Selected: Seminggu (One week)
- Question 3: "Anda menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan anda menulis karangan dalam Bahasa Arab?" (From which source do you use to facilitate writing your Arabic essay?).
 - Unselected: Artikel (Article)
 - Selected: Jurnal (Journal)
 - Unselected: Buku rujukan (Reference book)
 - Unselected: Wikipedia

Rajah 3.2.2.2 : Borang soal selidik

Pengkaji menyatakan beberapa soalan kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam mengenai tahap penguasaan tentang penulisan karangan Bahasa Arab bagi pelajar semester dua.

Langkah 3


Pengkaji melakukan proses pencarian dan mengumpul maklumat mengenai karangan Bahasa Arab.



Rajah 3.2.2.3 : Pengumpulan maklumat

Langkah 4

Setelah langkah ke-3 siap dilakukan, pengkaji membuat pembahagian tugas dan perbincangan lakaran rangka laman sesawang menggunakan laman web.



Rajah 3.2.2.4 : Rangka laman sesawang

Langkah 5


Setelah langkah 4 dilakukan, pengkaji mencari maklumat tambahan nota di laman sesawang dan meneruskan penulisan.



Rajah 3.2.2.5 : Penambahan nota

Langkah 6

Akhir sekali, pengkaji menyebarkan link laman sesawang kepada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam.



Rajah 3.2.2.6 : Laman sesawang

3.2.3 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan laman web (e- essei) seperti jadual di bawah:


Bil	Perkara	Fungsi
1.	Komputer peribadi	Digunakan bertujuan bagi melakukan proses-proses pembangunan e- essei (website)

3.2.4 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan analisis SWOT (strengths, weaknesses, oppurtunities, threats).

Analisis SWOT adalah suatu teknik perancangan strategi yang bermanfaat untuk menilai kekuatan (strength), kelemahan (weakness), peluang (oppurtunity) dan ancaman (threat). Objektif pembentukan SWOT ini adalah bertujuan untuk menilai analisis dalaman dan luaran yang dapat membantu pembentukan atau mempengaruhi sesuatu kejayaan.

Analisis SWOT boleh digunakan dengan menganalisis dan menyusun perkara yang mempengaruhi empat faktor , kemudian menerapkannya dalam imej matriks SWOT, di mana aplikasi adalah bagaimana kekuatan dapat memanfaatkan peluang yang ada, bagaimana mengatasi kelemahan(weakness) yang menghalang kelebihan dari peluang (oppurtunity) yang ada, maka bagaimana kekuatan (strength) dapat menangani ancaman yang ada(threats) dan yang terakhir adalah bagaimana mengatasi kelemahan (weakness) nyata atau ancaman baru. Strength dan Weakness adalah merupakan analisis dalaman manakala Oppurtunity dan Threats adalah analisis luaran (sumber dari kajian lepas) luaran yang dapat membantu pembentukan atau mempengaruhi sesuatu kejayaan.



Rajah 1.1 Komponen analisis SWOT

Analisis SWOT adalah satu proses mengenalpasti faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi sesuatu tindakan atau pelaksanaan sesuatu strategi yang akan dilakukan oleh sesebuah organisasi dalam mencapai matlamat, visi dan misi organisasi . (Rangkuti dan Freddy 2000)

Analisis SWOT adalah suatu analisis organisasi dengan menggunakan kekuatan, kelemahan, kesempatan serta ancaman dari lingkungan . (Stephen, Mary dan Coulter 1999).

Pengkaji memilih analisis SWOT sebagai kaedah analisis data kerana dengan adanya analisis SWOT pengkaji dapat lebih memahami objektif yang ingin dicapai. Selain itu, analisis SWOT dapat mengatasi kelemahan dengan penyelesaian yang tepat . Di samping itu, analisis SWOT dapat mengembangkan tujuan dan starategi yang sesuai untuk dicapai oleh pengkaji . Adanya faktor internal dan eksternal dari sisi positif dan negatifnya juga mengakibatkan intstrumen analisis SWOT cukup lengkap dan menyeluruh .

Selain itu, Analisis SWOT tidak memerlukan kemahiran teknikal atau latihan sebaliknya ia boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan mengenai sesuatu yang ingin dicapai .Analisis SWOT hanya menggunakan teknik kos rendah kerana tidak ada keperluan untuk mengupah perunding luar yang bergaji tinggi . Akhir sekali, dengan menggunakan analisis SWOT ini dapat membantu dalam memahami masa lalu, masa kini dan masa depan seperti maklumat masa lalu dan semasa yang dapat digunakan untuk menyusun perancangan . (sumber dari kajian lepa

BAB 4

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk termasuk kos penghasilan produk serta impak penghasilan produk antaranya impak produk terhadap kos, impak produk terhadap masa dan impak terhadap keberkesanan penggunaan produk . Bab ini juga menerangkan lebih mendalam mengenai hasil pengumpulan dan analisis data hasil daripada ujikaji yang dijalankan ke atas produk

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN

4.2.1 Projek Jenis Nyata

Huraian mengenai hasil pengumpulan dan analisis data merangkumi penilaian berkaitan projek yang dibangunkan termasuk kelebihan, kekurangan atau masalah dalam proses pembangunan projek perlu dinyatakan. Ujikaji-ujikaji yang dijalankan ke atas produk yang telah dihasilkan berserta kaedah pengujian dan peralatan yang diguna pakai juga hendaklah diperjelaskan. Seandainya produk yang terhasil tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, perbincangan kaedah yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah tersebut boleh dinyatakan. Antara perkara yang boleh dibincangkan:

- a) peringkat pertama keputusan pengujian dan kalibrasi ,
- b) peringkat akhir keputusan pengujian; dan
- c) membaikpulih dan penyelenggaraan

a) Analisis SWOT

Kajian ini menggunakan Analisis SWOT sebagai intrumen untuk menganalisis dapatan kajian yang telah dilakukan.

<u>STRENGTH</u> (KEKUATAN)	<u>WEAKNESS</u> (KELEMAHAN)	<u>PPORTUNITIES</u> (PELUANG)	<u>THREATS</u> (ANCAMAN)
<p>SWOT</p> <p>Dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar DIB semester 2.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pelajar akan mudah mencari contoh karangan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kekurangan keselamatan yang meletakkan laman web berisiko. - Berlakunya pencerobohan akaun menyebabkan laman web tidak dapat diakses. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pelajar DIB semester 2 mudah mencari cara penulisan dan contoh karangan. - Dapat menambah ilmu pengetahuan yang baru kepada para pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pelajar hanya menyalin dan tidak membuat pengubahan ayat dari laman web pengkaji untuk menyiapkan tugas. - Pengkaji lain membuat plagiat dengan mencuri idea yang terdapat dalam laman web pengkaji.

b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar-pelajar DIB seramai 35 orang. Sebanyak 5 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas tahap kefahaman dalam penulisan karangan Bahasa Arab.

S.N O	Jantina	Semester	Adakah website E-esei Bahasa Arab mudah dilayari?	Adakah E-esei Bahasa Arab memudahkan pelajar membuat karangan?	Penjelasan yang jelas dan mudah untuk membuat karangan?	E-esei Bahasa Arab mudah untuk menjadikan rujukan pelajar dan orang ramai?	Adakah cara penulisan untuk membuat karangan Bahasa Arab lebih teratur dan lengkap?
1	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
2	Perempuan	5	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
3	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
4	Perempuan	5	Setuju	Sangat setuju	Setuju	Setuju	Setuju
5	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
6	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
7	Perempuan	5	Sangat setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
8	Perempuan	1	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Sangat tidak setuju
9	Perempuan	1	Setuju	Sangat setuju	Setuju	Setuju	Setuju
10	Perempuan	5	Setuju	Sangat setuju	Setuju	Setuju	Setuju
11	Lelaki	1	Setuju	Sangat setuju	Setuju	Sangat setuju	Setuju

12	Perempuan	1	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
13	Lelaki	5	Sangat setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
14	Lelaki	1	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
15	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Setuju
16	Lelaki	5	Sangat setuju	Setuju	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak setuju
17	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
18	Perempuan	1	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
19	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
20	Perempuan	4	Setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Setuju	Sangat setuju
21	Perempuan	5	Setuju	Setuju	Tidak setuju	Setuju	Tidak setuju
22	Perempuan	5	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
23	Perempuan	4	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
24	Perempuan	4	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
25	Lelaki	5	Setuju	Sangat tidak setuju	Setuju	Tidak setuju	Setuju
26	Perempuan	5	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
27	Perempuan	1	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju

28	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Setuju
29	Perempuan	4	Setuju	Setuju	Setuju	Sangat setuju	Setuju
30	Perempuan	4	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
31	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
32	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
33	Lelaki	1	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju	Setuju
34	Perempuan	5	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju	Sangat setuju
35	Perempuan	4	Setuju	Setuju	Setuju	Sangat setuju	Setuju

4.3 PERBINCANGAN (KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Kelebihan website ini adalah ia dapat memudahkan para pelajar membuat rujukan ini kerana kebanyakan kajian lepas tidak membantu para pelajar untuk menulis karangan. Pengkaji merasakan website ini perlulah dibuat agar para pelajar mudah untuk mengetahui cara untuk membuat karangan dan menjadi sumber rujukan ketika membuat karangan.

Kekurangan ketika membuat website ini adalah kebanyakan kajian lepas hanya membincangkan isu yang dihadapi oleh pelajar dan kepentingan para pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab. Selain itu, kebanyakan pengkaji lepas hanya membincangkan isu tahap kemampuan pelajar dalam penulisan dan hanya menumpikan perhatian terhadap pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Pendedahan kepada pelajar yang telah melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi adalah kurang. Pengkaji perlu mencari banyak kajian lepas untuk membuat rujukan ketika membuat website.

Banyak masalah yang dihadapi ketika ingin membuat website antaranya adalah dapatan kajian lepas hanyalah sedikit ini kerana tidak banyak yang membuat kajian terhadap karangan Bahasa Arab. Bahasa ini tidak diperluaskan orang masyarakat hanya yang mempelajarinya sahaja yang mencari maklumat tentang bahasa ini. Pengkaji mengambil masa yang lama untuk mencari maklumat berkaitan karangan bahasa arab dan kebanyakannya hanya asas Bahasa Arab sahaja yang diperluaskan.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Pengkaji mendapati dengan adanya laman sesawang ini dapat menjimatkan kos para pelajar kerana pelajar tidak perlu membeli buku-buku berkaitan contoh penulisan karangan Bahasa Arab.

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan laman sesawang ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi pencarian maklumat berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Jadual 4.1 : Jadual impak produk terhadap masa

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa Pencarian Maklumat	10 Minit	5 Minit

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan laman sesawang dapat dilihat dari segi memudahkan pihak pelajar hal ini kerana laman sesawang ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana sahaja.

Jadual 4.2:

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Kos yang diperlukan dalam penghasilan projek laman sesawang

Jadual 4.3 :

Bil	Butiran	Kos (RM)
1	000webhost	120

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk E-esei Bahasa Arab yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu pelajar DIB semester 2 yang kurang pemahaman dalam membuat karangan Bahasa Arab . Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Objektif tercapai / tidak

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan laman sesawang contoh penulisan karangan Bahasa Arab, pengkaji menyatakan bahawa objektif kajian ini telah tercapai.

*** Proses semasa membangunkan produk**

Dalam proses pembangunan produk inovatif semasa, pengkaji telah menghuraikan konsep produk inovasi mengenai Bahasa Arab. Penerangan proses ini merujuk kepada konsep produk inovasi iaitu contoh penulisan karangan Bahasa Arab secara terperinci dalam konteks yang lebih mudah difahami oleh pelajar. Selain itu, pengkaji turut menjalankan proses penghasilan produk inovasi iaitu laman sesawang contoh penulisan karangan Bahasa Arab. Proses penghasilan produk inovasi laman sesawang adalah menggunakan 000webhost, yang merupakan asas utama penyediaan produk inovasi ini. Di laman sesawang, ia mengandungi penerangan secara ringkas tentang penulisan karangan Bahasa Arab.

*** Hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan / analisis SWOT**

Hasil dapatan kajian daripada analisis keberkesanan, pengkaji mendapati bahawa maklum balas yang diperolehi daripada pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Islam dari semester 1 hingga semester 5 menunjukkan tahap keberkesanan yang sangat baik. Mereka menyatakan bahawa mereka mudah memperoleh dan memahami contoh penulisan karangan Bahasa Arab menerusi produk inovasi ini.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa cadangan turut diberikan kepada pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah pelajar politeknik semester dua dalam jurusan perbankan dan kewangan Islam, pengguna serta kepada pengkaji akan datang . Cadangan-cadangan ini dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan terhadap penguasaan ilmu bahasa Arab terutama dalam karangan bahasa Arab .

5.3.1 Cadangan kepada pelajar politeknik semester dua dalam jurusan kewangan dan perbankan Islam

Bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam bahasa Arab terutama dalam penulisan karangan bahasa arab, pelajar semester dua dalam jurusan kewangan dan perbankan Islam perlulah sering mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam kehidupan seharian dari segi komunikasi . Hal ini dapat meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab sekaligus dapat menguasai bahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan karangan dalam bahasa Arab di kalangan pelajar politeknik. Selain itu, pelajar juga hendaklah memperbanyakkan membuat latihan penulisan karangan bahasa Arab agar pelajar dapat menguasai dalam ilmu penulisan karangan bahasa Arab . Di samping itu, pelajar juga hendaklah mengamalkan sikap banyak bertanya kepada pensyarah jika kurang faham atau mengalami kekeliruan semasa membuat penulisan karangan bahasa Arab agar penulisan pelajar dalam karangan bahasa Arab dapat diperbaiki.

5.3.2 Cadangan kepada pengguna

Memandangkan ilmu bahasa Arab adalah penting untuk pengetahuan masyarakat terutama dikalangan yang ingin mendalami ilmu penulisan karangan bahasa Arab, penulis mencadangkan kepada pengguna tersebut untuk memperbanyakkan dalam mencari bahan-bahan rujukan seperti contoh-contoh karangan untuk dijadikan sebagai rujukan . Hal ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan pengguna untuk membuat penulisan karangan bahasa Arab . Selain itu, pengguna juga perlulah mencari seseorang yang mahir dalam ilmu bahasa Arab untuk dijadikan sebagai tempat rujukan sekiranya kurang faham dalam membuat penulisan karangan bahasa Arab . Justeru itu, pengguna akan mengetahui kesalahan yang dilakukan semasa membuat penulisan karangan bahasa Arab , hal ini secara tidak langsung dapat memperbaiki kesalahan yang dibuat.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji akan datang

Penulis mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk menambahkan lebih banyak contoh penulisan karangan yang lebih baik agar dapat dijadikan rujukan kepada pensyarah juga serta tidak tertumpu hanya kepada pelajar politeknik semester dua sahaja . Selain itu, penulis mencadangkan kepada pengkaji akan datang agar membuat satu modul khusus bagi merawat masalah pelajar dalam penulisan karangan bahasa Arab beserta latihan yang komprehensif, menyeluruh dan berkesan . Hal ini dapat mempertingkatkan pengetahuan pelajar dalam ilmu bahasa Arab .

5.4 LIMITASI PROJEK (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada di pelajar di Politeknik Seberang Perai sahaja. Skop projek ini hanya tertumpu kepada pelajar pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan laman sesawang.

Dalam pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh pengkaji . Antara kekangan utama yang dihadapi adalah kekurangan sokongan dan kerjasama daripada responden dalam proses pengumpulan data . Pengkaji telah memberikan masa selama tiga hari kepada responden untuk memberi maklum balas, namun begitu kebanyakan responden tidak mampu menjawab borang soal selidik ketika proses pengutipan dijalankan atas sebab kekangan kerja yang banyak . Seterusnya kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan. Selain itu, faktor persekitaran yang kurang baik disebabkan covid-19 merupakan satu kekangan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang lebih terperinci . Di samping itu,kekangan lain yang dihadapi dalam menjalankan kajian ini adalah semasa proses penghasilan kajian literatur . Kekangan ini disebabkan oleh kekurangan bahan rujukan yang berkaitan dengan penulisan karangan bahasa Arab . Hal ini kerana, kebanyakan kajian lepas yang dijalankan hanyalah memfokuskan berkaitan pertuturan dalam bahasa Arab . Justeru itu kekurangan bahan rujukan ini menyebabkan pengkaji mengambil tempoh yang lama bagi membuat pencarian bahan rujukan yang bersesuaian dengan topik kajian iaitu penulisan karangan bahasa Arab .

5.5 RUMUSAN

Kajian ini membuktikan bahawa objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai. Ini kerana objektif yang pertama adalah pengkaji dapat mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Arab dengan mengedarkan soal selidik kepada para pelajar. Seterusnya, website ini juga menjadikan objektif kajian yang kedua dilaksanakan iaitu pengkaji mencadangkan produk inovasi berbentuk website dalam pengumpulan maklumat tentang penulisan karangan Bahasa Arab. Akhir sekali, website ini dapat membantu para pelajar untuk mengakses terus tentang cadangan kerangka karangan, kerangka karangan, dan contoh-contoh karangan.

RUJUKAN

1. <https://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2019/12/2.-Penguasaan-Penulisan-Karangan-Bahasa-Arab-Dalam-Kalangan-Pelajar-Melayu-Melalui-Penggunaan-Imitasi.pdf>
2. https://www.researchgate.net/publication/341118050_PENGAJARAN_KEMAHIRAN_BERTULIS_PELAJAR_UNIVERSITI_SAINS_ISLAM_MALAYSIA_BERTERASKAN_ANALISIS_PELBAGAI_KESALAHAN_BAHASA_DALAM_SINTAKSIS_BAHASA_ARAB
3. http://studentsrepo.um.edu.my/5395/1/BAB_1.pdf
4. <http://journalarticle.ukm.my/6327/1/3307-7240-1-SM.pdf>

LAMPIRAN

The screenshot shows a web browser window with the following elements:

- Browser Address Bar:** File | C:/Users/USER/OneDrive/Desktop/GOVERNANCE/websiteNotaArab.n/websiteNotaArab/index.html
- Navigation Menu:** Home, E-Sei, Cadangan Kerangka Karangan, Kerangka Karangan
- Main Image:** A large photograph of the Sheikh Zayed Grand Mosque in Abu Dhabi, featuring a long colonnade of white arches supported by golden columns, with a large white dome in the background. The text "Bahasa Arab" is overlaid in large white font.
- Survey Form:** A purple header reads "MAKLUM BALAS PELAJAR". It contains three questions with radio button options:
 - Question 1: "Adakah anda mempunyai ilmu pengetahuan dalam penulisan karangan Bahasa Arab?"
 - Selected: Ya
 - Option: Tidak
 - Clear selection
 - Question 2: "Berapakah tempoh masa yang diambil oleh anda untuk menulis karangan dalam Bahasa Arab?"
 - Option: Sehari
 - Option: Dua hari
 - Selected: Seminggu
 - Clear selection
 - Question 3: "Anda menggunakan sumber rujukan dari mana untuk memudahkan anda menulis karangan dalam Bahasa Arab?"
 - Option: Artikel
 - Selected: Jurnal
 - Option: Buku rujukan
 - Option: Wikipedia